


KAEDAH-KAEDAH KESELAMATAN MENGHADAPI BANJIR

SEBELUM BANJIR




- Sebelum berpindah, matikan bekalan masuk utama di papan agihan dengan meletakkan suis utama pada kedudukan 'OFF'.
- Pastikan semua suis berada dalam keadaan 'OFF' dan tanggalkan palam kuasa peralatan elektrik dari soket alir keluar.



- Pindahkan peralatan elektrik ke tempat yang tinggi dan selamat dari ditenggelami air banjir.

SEMASA BANJIR



- Jangan sentuh peralatan atau kabel elektrik yang terendam dalam air banjir walaupun ianya bersalut dengan penekat.




- Elak daripada berenang atau meredah air banjir di kawasan berhampiran dengan talian elektrik. Sekiranya paras air meningkat dan bersentuh dengan talian hidup, renjatan boleh berlaku kepada individu yang berada di dalam air.
- Elak daripada memijak kawasan berair berhampiran talian elektrik putus atau jatuh di atas tanah atau di dalam air.



- Jangan hampiri atau mengalih talian elektrik yang putus atau tiang elektrik yang patah.
- Laporkan kepada pihak berkuasa dengan segera sekiranya mendapati talian elektrik putus, tiang elektrik patah atau berlaku percikan arka pada pemasangan utiliti.

SELEPAS BANJIR

- Rujuk pihak utiliti untuk status penyambungan bekalan elektrik.
- Sekiranya bekalan masih belum disambung, pastikan suis utama di papan agihan ditutup sebelum membersihkan peralatan elektrik atau pendawaian rumah, untuk mengelakkan renjatan apabila pihak utiliti menyambung semula bekalan.
- Pastikan peralatan elektrik dikeringkan terlebih dahulu atau diperiksa, dibaiki atau diuji keselamatannya oleh orang yang berkemahiran sebelum digunakan. Sekiranya meragui keselamatan peralatan tersebut, hantar untuk pemeriksaan oleh orang yang berkemahiran.



- Sebelum menghidupkan semula suis utama pada papan agihan, pastikan pendawaian dan pembumian rumah diperiksa, dibaiki dan diuji oleh kontraktor elektrik dan disahkan selamat oleh pendawai elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga.

INGATLAH BAHAWA AIR ADALAH PENGALIR ELEKTRIK YANG BAIK

JADILAH BIJAK TENAGA

SURUHANJAYA TENAGA (ENERGY COMMISSION)
No. 12, Jalan Tun Hussein, Presint 2, 62100, Putrajaya
Talian Bebas Tol: 1-800-2222-78 Tel: (603) 8870 8500 Faks: (603) 8888 8637
www.st.gov.my